



SIARAN MEDIA

UNIT PENYELARASAN LONJAKAN PRESTASI (PACU) PEJABAT PERDANA MENTERI

STAR TUMPU PERKUKUH KAWALAN SEMPADAN, PENDORONG AUTOMASI ROBOTIK DAN PENGGUNAAN AI

**UNTUK SIARAN SEGERA
29 OKTOBER 2025**

PUTRAJAYA, 29 Oktober 2025 - Komitmen Kerajaan MADANI dalam memperkukuh agenda reformasi penyampaian perkhidmatan awam diteruskan menerusi penganjuran Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) Bilangan 9 Tahun 2025, yang berlangsung hari ini dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara.

Dalam ucapan pembukaannya, Tan Sri KSN menekankan keutamaan pelaksanaan reformasi yang berfokuskan hasil nyata kepada rakyat serta pengukuhan tadbir urus, integriti dan kecekapan rentas organisasi kerajaan, selaras dengan pendekatan *whole-of-government and society* yang menjadi teras Malaysia MADANI.

Tan Sri KSN turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan Sidang Kemuncak ASEAN 2025 pada 26 hingga 28 Oktober lalu. Kejayaan ini adalah hasil kerjasama padu antara urus setia, kementerian dan agensi, pasukan keselamatan, perkhidmatan kesihatan, pihak berkuasa tempatan, sukarelawan, rakan industri, rakan media serta semua petugas barisan hadapan. Penyelarasan rapi merentasi aspek keselamatan, logistik, protokol, digital, kelestarian dan hospitaliti menyerlahkan keupayaan perkhidmatan awam yang cekap, berintegriti dan berdaya saing, sekali gus memperkukuh reputasi negara di rantau ini.

Mesyuarat kali ini memberi tumpuan kepada status semasa pelaksanaan projek-projek STAR serta beberapa kertas penting. Antara yang dibentangkan termasuk Pengurusan Kawalan Sempadan Negara yang menekankan pengukuhan kesiapsiagaan di pintu masuk negara, serta pelaksanaan *Robotic Process Automation* (RPA) dan Kecerdasan Buatan (AI) dalam mempertingkatkan kecekapan sistem pentadbiran kerajaan.

Mesyuarat turut meneliti laporan Kajian AI *Productivity Paradox* oleh Kementerian Digital dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Status Pelaksanaan Inisiatif Integrasi Strategik Intra/Inter Agensi oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), Status

Pelaksanaan E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) Malaysia MADANI Perkhidmatan Awam (MMPA) oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), serta kemajuan Sistem Pengurusan Dokumen Kerajaan Bersepadu (GovSuiteDMS). Semua inisiatif ini menumpukan kepada pemacuan produktiviti berteraskan AI, pengukuhan perkongsian data dan keselamatan maklumat rentas agensi, serta peningkatan kapasiti penjawat awam melalui pembelajaran digital dan pengurusan dokumen bersepadu, sejajar dengan agenda reformasi perkhidmatan awam berimpak tinggi.

Kerajaan melalui STAR terus menumpukan perhatian terhadap agenda peningkatan produktiviti dan penyelesaian isu-isu struktural yang menghalang tatakelola baik serta keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam. Setiap inisiatif yang dibincangkan dan keputusan yang dicapai melalui STAR dirancang secara strategik bagi memastikan impaknya dapat dirasai secara langsung oleh rakyat.

Pasukan STAR, yang diurussetiakan oleh Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) dengan kerjasama Unit Pantau MADANI (PMU) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), akan terus memainkan peranan strategik sebagai platform reformasi merentas kementerian dan agensi, memastikan pelaksanaan dasar kerajaan lebih cekap, telus dan responsif terhadap keperluan rakyat.

Reformasi Satu Kemestian!

Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR)
Putrajaya

29 Oktober 2025

